



11 Jun 2019
11 June 2019
P.U. (A) 164

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PENGGAJIAN WARGA EMAS,
BEKAS BANDUAN, ORANG DIPAROL, ORANG DISELIA
DAN BEKAS PENAGIH DADAH) 2019

*INCOME TAX
(DEDUCTION FOR EMPLOYMENT OF SENIOR CITIZEN,
EX-CONVICT, PAROLEE, SUPERVISED PERSON AND
EX-DRUG DEPENDANT) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PENGGAJIAN WARGA EMAS, BEKAS BANDUAN, ORANG DIPAROL, ORANG DISELIA DAN BEKAS PENAGIH DADAH) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penggajian Warga Emas, Bekas Banduan, Orang Diparol, Orang Diselia dan Bekas Penagih Dadah) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan 2020.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi seseorang majikan yang mempunyai punca pendapatan yang terdiri daripada perniagaan sahaja.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan laraan seseorang majikan bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan saraan daripada jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta yang kena dibayar olehnya kepada pekerjanya, yang merupakan seorang warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia, daripada kalangan yang berikut:

(a) warga emas yang hendaklah berumur enam puluh tahun dan ke atas;

- (b) bekas banduan iaitu seseorang yang telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan oleh suatu mahkamah dan telah menjalani hukuman pemenjarannya;
- (c) orang diparol sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Penjara 1995 [*Akta 537*];
- (d) orang diselia iaitu seorang banduan yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga untuk menjalankan apa-apa kerja di bawah subperenggan 47(1)(b)(iii) Akta Penjara 1995; atau
- (e) bekas penagih dadah yang—
 - (i) telah menjalani rawatan dan pemulihan menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [*Akta 283*];
 - (ii) telah diletakkan di bawah pengawasan menurut perenggan 6(1)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 atau subseksyen 38B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*]; atau
 - (iii) telah diletakkan di bawah pengawasan menurut perenggan 8(3)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983,dan berdaftar dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (sistem MyAADK).

(2) Potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) pekerja itu diambil kerja secara sepenuh masa;

- (b) saraan yang dibayar oleh majikan kepada pekerja itu tidak melebihi empat ribu ringgit (RM4,000.00);
- (c) majikan dan pekerja itu bukan orang yang sama;
- (d) majikan itu bukan saudara-mara pekerja itu, iaitu—
 - (i) suami atau isteri;
 - (ii) ibu atau bapa, termasuk ibu tiri atau bapa tiri, atau ibu mertua atau bapa mertua;
 - (iii) anak, termasuk anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang;
 - (iv) adik-beradik lelaki atau adik-beradik perempuan, termasuk adik-beradik tiri lelaki atau adik-beradik tiri perempuan; atau
 - (v) datuk, nenek atau cucu, termasuk datuk tiri, nenek tiri atau cucu tiri.

(3) Seorang majikan yang menuntut potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah mengemukakan pengesahan bertulis daripada—

- (a) Jabatan Penjara Malaysia, yang mengesahkan bahawa pekerja itu ialah seorang bekas banduan, orang diparol, atau orang diselia; atau
- (b) Agensi Antidadah Kebangsaan, yang mengesahkan bahawa pekerja itu ialah seorang bekas penagih dadah.

(4) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta.

Dibuat 29 Mei 2019

[Per. CR(8.20)116/1-138(2019)(S).9); LHDN.A.Y.A.600-12/1/7(29)-16; PN(PU2)80/XCV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EMPLOYMENT OF SENIOR CITIZEN, EX-CONVICT,
PAROLEE, SUPERVISED PERSON AND EX-DRUG DEPENDANT) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) and paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Employment of Senior Citizen, Ex-Convict, Parolee, Supervised Person and Ex-Drug Dependiant) Rules 2019**.

(2) These Rules shall have effect for the years of assessment 2019 and 2020.

Application

2. These Rules shall apply to an employer who has a source of income consisting of business only.

Deduction

3. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of an employer for the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as a deduction the remuneration of the kind allowable under section 33 of the Act payable by him to his employee, who is a citizen of Malaysia and resident in Malaysia, from amongst the following:

(a) a senior citizen who shall be sixty years and above;

(b) an ex-convict who is a person who had been convicted for any offence by a court and had served his sentence of imprisonment;

(c) a parolee as defined in the Prison Act 1995 [Act 537];

- (d) a supervised person who is a prisoner directed by an Officer in Charge to work at such labour under subparagraph 47(1)(b)(iii) of the Prison Act 1995; or
- (e) an ex-drug dependant who—
 - (i) had undergone treatment and rehabilitation pursuant to the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 [Act 283];
 - (ii) had undergone supervision pursuant to paragraph 6(1)(b) of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 or subsection 38B(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234]; or
 - (iii) had been placed under supervision pursuant to paragraph 8(3)(b) of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983,

and is registered with the National Anti-Drugs Agency (MyAADK system).

(2) The deduction allowed under subrule (1) is subject to the following conditions:

- (a) the employee is employed on a full-time basis;
- (b) the remuneration paid by the employer to the employee does not exceed four thousand ringgit (RM4,000.00);
- (c) the employer and the employee are not the same person;

- (d) the employer is not a relative of the employee, that is—
- (i) a spouse;
 - (ii) a parent, including a step parent or a parent in law;
 - (iii) a child, including a step child or a child adopted in accordance with any law;
 - (iv) a brother or a sister, including a step brother or a step sister; or
 - (v) a grandparent or a grandchild, including a step grandparent or a step grandchild.

(3) An employer claiming for the deduction under these Rules shall produce a written confirmation from—

- (a) the Malaysian Prison Department, confirming that the employee is an ex-convict, a parolee, or a supervised person; or
- (b) the National Anti-Drugs Agency, confirming that the employee is an ex-drug dependant.

(4) The amount of deduction allowed under these Rules shall be in addition to any deduction under section 33 of the Act.

Made 29 May 2019

[Per. CR(8.20)116/1-138(2019)(SJ.9); LHDN.A.Y.A.600-12/1/7(29)-16; PN(PU2)80/XCV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]